

Ulasan Buku/*Book Review*

Membongkar Sejarah Islam di Asia Tengah, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Turkmenistan dan Uzbekistan dari Zaman Kuno hingga Nasionalisme oleh Shamsul Bahriel. 2019. Hijjaz Records Publishing

¹ NABILA HUDA AIZON

¹ Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Skudai, Johor, Malaysia

Buku hasil garapan oleh saudara Shamsul Bahriel ini sarat dengan fakta-fakta yang menjadikan pensejarahan Asia Tengah ini menarik dan perlu diikuti bermula dari zaman kuno hinggalah ke zaman nasionalismenya. Rata-rata para sejarawan menggelarkan wilayah ini dengan nama Terra Incognita' iaitu 'wilayah yang tidak kenali', atau Terra Pericolosa iaitu 'wilayah yang berbahaya' kerana mundur dan tidak selamat untuk diduduki. Menurut penulis, masih kurang buku-buku sejarah berkenaan sejarah Asia Tengah yang ditulis meskipun daerah ini merupakan suatu daerah hebat yang pernah mengukir nama tokoh-tokoh hebat seperti Cyrus, Alexander The Great, Qutaibah, Gengkhis Khan, Timurlenk dan ramai lagi. Oleh yang demikian, buku ini sangat bermanfaat buat mereka yang ingin mengetahui sejarah dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Asia Tengah sepanjang zaman secara panjang lebar.

Dalam bab pertama buku ini, penulis memberi pengenalan kepada negara-negara sebenar yang berada di bawah wilayah Asia Tengah menurut beberapa pandangan. Penulis cenderung kepada pendapat, wilayah Asia Tengah adalah merangkumi lima buah negara iaitu Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Turkmenistan, dan Uzbekistan. Selain itu, penulis memaparkan fakta-fakta etimologi, geografi, demografi, bahasa dan agama di kesemua lima negara ini. Latar geografi yang dimiliki di negara-negara Asia Tengah ini adalah sangat unik, walaupun beberapa negara adalah negara 'terkurung' iaitu tiada lautan sekelilingnya, namun begitu, terdapat pergunungan, gurun dan padang rumput Steppe dengan dataran dan bukit bukau yang indah terbentang di lima negara

ini. Apa yang menyedihkan, satu persamaan yang didapati dari kelima-lima negara ini adalah demografi yang menunjukkan 60%-88% penduduknya adalah beragama Islam, namun, rata-rata mereka kini tidak bebas melakukan aktiviti keagamaan sebebannya.

Setelah itu, bab seterusnya penulis memulakan dengan sejarah ketamadunan yang mula-mula bertapak di rantau ini. Di sini, penulis memaparkan beberapa perkara iaitu; fakta-fakta salasilah keturunan di Asia Tengah, bangsa pertama yang mendiami Asia Tengah, kerajaan-kerajaan purba kecil di Asia Tengah seperti Batria, Sogdia, Khwarizm dan Margiana, berkenaan empayar Parsi Archaemenid, kisah pengembaraan Alexander The Great ke Asia Tengah, berkenaan Kerajaan Greco Bactria, berkenaan Yuezhi dan Kushan, dan berkenaan empayar Parsi Sasanid. Pembaca dibawa ke permulaan ketamadunan manusia iaitu, pada zaman bapa kedua umat Islam iaitu Nabi Nuh a.s. Dalam sejarah, telah terukir bahawa banjir besar telah berlaku ketika zaman baginda yang mengakibatkan kematian anak dan isteri baginda tercinta. Namun penulis ada menyatakan bahawa, sebenarnya hanya seorang sahaja anak baginda iaitu Ka'an yang dihanyutkan oleh banjir besar itu. Manakala selebihnya Sam, Ham dan Yafits masih hidup. Justeru, penerusan keturunan manusia seterusnya adalah dari mereka yang terselamat di atas kapal milik Nabi Nuh a.s. Namun penumpuan penulis adalah kepada Yafits yang menetap di kawasan sekitar Asia Tengah ini.

Bangsa Aria merupakan bangsa pertama yang menduduki Asia Tengah dari keturunan Yafits bin Nuh a.s juga iaitu Madai. Dari bangsa ini lahir kerajaan Media dan seterusnya kerajaan Parsi Archaemenid oleh Raja Kurush (Cyrus II, Cyrus The Great). Kawasan empayar Parsi Archaemenid ini diluaskan sehingga ke Mesir dan Asia Kecil (Turki sekarang). Namun kegemilangan empayar ini berlaku pada zaman Cyrus II. Setelah beberapa abad bertahan, empayar ini runtuh setelah ditakluki oleh empayar Macedonia di bawah pimpinan Alexander The Great.

Usaha Alexander The Great untuk menakluki empayar Parsi Archaemenid bukanlah melalui jalan yang mudah. Namun kekuatan pemimpin dan bala tentera yang hebat telah memungkinkan penaklukan itu terjadi. Taklukan ke atas Parsi Archaemenid berjaya akibat kekalahan dalam Perang Gaugamela iaitu ketika tentera Alexander The Great seramai 40,000 orang bertempur dengan 100,000 orang tentera Parsi Archaemenid. Dengan itu, berakhirlah secara keseluruhan empayar Parsi Archaemenid disana.

Dalam kerancangan penaklukan Alexander The Great ke kawasan Asia Tengah ini, baginda seterusnya mara ke kawasan Sogdiana dan berada di Jaxartes sehingga menemukan sebuah kota yang diberi nama Alexandria Eschate yang bermaksud 'Kota Alexandria Terjauh'. Di sinilah Alexander The Great membina tembok sepanjang 6 kilometer untuk melindunginya dari serangan puak nomad. Tembok ini mengambil

masa pembinaannya selama 20 hari. Kawasan ini penting kerana menjadi pangkalan tentera baginda di bahagian utara, benteng bagi menghadapi serangan dari puak nomad Saka Massagete (Synthian), menjadi pangkalan untuk kembali ke barat melintasi dataran Ukraine, mengawal laluan ke Lembah Fergana, di sini juga terdapat laluan yang merentasi Banjaran Pamir yang menuju ke China dan menjadi tempat untuk berehat setelah orang Macedonia berperang selama lima tahun. Kehidupan Alexander The Great berakhir pada Jun 323SM di istana Nebuchadnezzar II di Babylon pada usia 32 tahun.

Kesan setelah pemergian Alexander The Great kepada empayar Macedonia ialah, semasa pemerintahan Cassander, empayar ini telah berpecah menjadi beberapa buah kerajaan iaitu Cassander, Seleucus (Seleucid), Lysimachus dan Ptolemy. Namun, dalam buku ini penulis menumpukan tentang kerajaan Seleucid kerana ia merupakan antara serpihan empayar Macedonia yang terbesar di sebelah timur meliputi wilayah Asia Tengah. Empayar Sasanid merupakan empayar di bawah Sasanian yang muncul setelah beberapa ratus tahun kejatuhan empayar Parsi Archaemenid ke tangan empayar Macedonia.

Dalam bab yang ketiga, penulis menceritakan perkembangan tamadun ke arah Kekhaganan Turki dan proses kedatangan Islam ke rantau ini. Bangsa Turki merupakan rumpun bangsa yang terbesar selepas Indo-eropah.

Kekhaganan Turki dimulakan oleh suku Gokturk di Monggol di bawah pengasasnya Bumin yang menggelarkan dirinya Illig Khan. Pelbagai interaksi politik dilakukan sepanjang pengembangan Gokturk di barat, utara, dan selatan termasuk menjalinkan hubungan dengan empayar Goguryoe (Korea) di timur. Empayar ini berjaya bertahan sehingga 584M dan akhirnya berpecah menjadi dua bahagian, iaitu Turki Barat dan Turki Timur. Wilayah jajahan Turki banyak yang mengisytiharkan kemerdekaan setelah jatuhnya Kekhaganan Turki yang pertama ini. Kesan dari kejatuhan ini juga menyebabkan kaum nomad Turki yang berhijrah dari pergunungan Altaic mendiami dan mula mendominasi kawasan Asia Tengah. Perpindahan beramai-ramai ini telah menyebabkan Asia Tengah telah disebut sebagai Turkistan iaitu 'tanah orang Turki'. Mereka juga telah mengubah pola budaya setempat sehinggalah kemunculan Islam pada abad yang berikutnya. Wilayah inilah yang menjadi asas kepada kebangkitan empayar Turki Saljuk dan Uthmaniyah yang akan berhadapan dengan Byzantin serta berjaya pula menakluki Konstantinopel (Istanbul) selepas itu.

Seterusnya, semasa Kekhaganan Turki yang kedua, wilayah-wilayah empayar Turki pertama berjaya ditakluki semula oleh Ilterish Khagan daripada Dinasti Tang pada tahun 682M. manakala Turki Barat telah digantikan oleh etnik Turki Dulu. Namun tidak lama selepas itu tentera Islam pula mula mara menghadapi mereka di

bawah pimpinan Qutaibah Ibnu Muslim pada tahun 705M. Dalam bahagian seterusnya penulis menulis tentang interaksi empayar Sasanid dengan zaman Nabi Muhammad SAW. Sebenarnya, penaklukan oleh orang Islam adalah bermula susulan dari kejatuhan empayar Parsi Sasanid.

Penaklukan Islam keatas Asia Tengah giat dilakukan bermula di Parsi dan Khurasan pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin. Usaha mereka ingin meluaskan pembukaan kawasan Islam ke arah bahagian timur ini giat dilakukan semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab.

Setelah itu, penyebaran Islam ke timur terhenti dan Khalifah Umar al-Khattab wafat pada tahun 644M dan diganti dengan Khalifah Uthman al-Affan. Akibat kemaraan Islam di Iran, memaksa Raja Yazdegerd III melarikan diri sehinggalah ke Isfahan dan kemudiannya ke Estakhr kemudiannya lagi ke Kirman dan akhir sekali di Merv. Perluasan kuasa Islam terhenti sementara akibat kekhalfahan Islam yang mengalami fitnah serta pergolakan perang saudara di Timur Tengah. Paling menyedihkan, ketika itu penduduk di kawasan di bawah kekuasaan khalifah Islam sebenarnya masih belum dapat diterima sepenuh hati oleh penduduk setempat dan berlakulah pemberontakan dan penentangan di bawah negeri-negeri taklukan Islam ini.

Dari tahun 667-686 M, misi penyebaran Islam berlaku lagi ke atas kawasan Asia Tengah sehinggalah ia terhenti akibat perang saudara ketika pemerintahan Islam pada tahun 683-692M. Kerja-kerja penaklukan akhirnya diteruskan di zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik Marwan bermula tahun 685 M sehingga 705 M. Namun, misi penaklukan di Tokharistan dan Bukhara adalah di bawah komander perang yang hebat pada tahun 705M-710M iaitu Qutaibah Ibnu Muslim di bawah pemerintahn pengganti Abdul Malik iaitu Khalifah al-Walid. Namun, kemaraan Qutaibah Ibnu Muslim terhenti akibat penukaran Khalifah Walid kepada Khalifah Sulaiman bin al-Malik yang tidak disukainya berikutan statusnya sebagai Gabenor diambil. Kuasa Islam di kawasan yang pernah ditakluki oleh Qutaibah Ibnu Muslim semakin tidak stabil akibat kemaraan pihak Turgesh-Sogdia dan ada juga kawasan jajahan yang dirampas semula.

Penaklukan Asia Tengah diteruskan hanya ketika zaman kekhalfahan Abbasiyah untuk menguasai semula wilayah Transoxiana yang diketuai oleh Ziyad Ibnu Salih yang besekutu dengan empayar Tibet menentang Dinasti Tang, Fergana dan Karluk pada tahun 751M. Apabila lenyap dinasti Tang, maka Islam semakin bersinar dan diterima baik oleh bangsa Turki. Namun bangsa Turki Karluk tidak memeluk Islam sehinggalah pada abad ke 10M dan mengasaskan Kekhaganan Karakhanid. Perluasan Islam berhenti di Talas (di Kyrgyzstan). Tinggalan dinasti Tang yang berharga adalah teknologi pembuatan kertas. Orang Islam mengambil peluang untuk mempelajari cara

pembuatan kertas dari pohon mulberi oleh orang Cina (Dinasti Tang) yang menjadi tawanan perang di penjara. Dari situlah kertas-kertas mulai mudah didapati seiring dengan perkembangan ilmu sehingga Baghdad menjadi pusat kegiatan ilmu yang unggul ketika itu. Pada tahun 819M, empayar Parsi Samaniyah yang diasaskan oleh empat beradik Bani Asad iaitu Nuh, Ahmad, Yahya dan Ilyas muncul setelah kerajaan Abbasiyah mengalami perpecahan. Dari empayar ini juga berjaya melahirkan tokoh-tokoh ilmuan Islam seperti Ibnu Sina, Abu al-Qasim Firdausi Tusi dan Abdullah Ja'afar al-Rudhaki. Empayar ini hanya bertahan sehingga penghujung abad ke-10 apabila Bukhara di takluki oleh Sultan Satuq Bughra Khan iaitu pemerintah Karakhanid pada tahun 992M.

Di akhir bab ketiga ini, penulis menulis mengenai beberapa buah kerajaan di Asia Tengah pada zaman pertengahan yang ketika itu menjadi zaman kegemilangan Islam di bawah kekhalifahan Abbasiyah. Kerajaan-kerajaan tersebut berada di sekitar wilayah Asia Tengah yang diasaskan oleh Turki, Parsi, mahupun campuran kedua-duanya itu, malahan ada juga yang melibatkan orang Cina. Antaranya ialah Kekhaganan Uyghur, Karluk Yabghu, Oghuz Yabgu, Karakhanid, kerajaan Kimek-Kipcak, Turki Seljuk, Khwarizmi, Qara Khitai.

Dalam bab keempat, pendudukan Monggol di Asia Tengah pula dibentangkan kepada pembaca. Monggol mula memasuki kawasan tanah Islam di Asia Tengah yang ketika itu di bawah dinasti Khwarizmi yang beraliran Islam Sunni. Monggol di bawah pengasasnya iaitu Gengkhis Khan berjaya menyatukan puak Merkit dan Tartar pada tahun 1216M untuk meluaskan penguasaannya di sana. Tentera Monggol yang dianggarkan hampir 800,000 orang berjaya menguasai tanah Islam dengan ganas dan kejam iaitu semasa pentadbiran Alaluddin Muhammad Shah yang juga mengakibatkan baginda melarikan diri dan akhirnya mangkat dalam perjalanannya di wilayah Hycarnia pada tahun 1220M. Baginda kemudiannya digantikan oleh puteranya, Jalaluddin. Pelbagai kerosakan kediaman serta harta benda berlaku kerana Monggol dan seramai 1.7 juta orang atau 2.5% populasi umat Islam pada ketika itu juga telah dibunuh. Terdapat pertempuran antara tentera Jalaluddin dimana memihak kepada tentera Islam, namun kemudiannya Gengkhis Khan mengerah bala tenteranya untuk menangkap dan mengejar tentera Jalaluddin. Penguasaan Monggol bertahan selama beberapa dekad yang kemudiannya mengalami krisis perpecahan empayar kepada empat wilayah setelah Mongke Khan mangkat pada tahun 1259M. Wilayah itu adalah, Kekhanan Kipchak di barat laut, Kekhanan Chagatai di Asia Tengah, Kekhanan Il, Dinasti Yuan (Kekhanan Agung) yang terletak di Timur termasuk Beijing. Namun dalam buku ini, penulis menumpukan hanya Kekhanan Chagatai yang meliputi Asia Tengah. Kekhanan Chagatai ini diasaskan oleh Chagatai iaitu putera kedua Ghengis Khan.

Seterusnya beralih ke bab kelima yang menceritakan tentang penjajahan Rusia dan Soviet ke atas rantau Asia Tengah. Penaklukan di Asia Tengah oleh pihak Rusia dimulakan oleh Tsar Nicholas I (1796M-1855M) menyebabkan satu persatu kerajaan di sana menyerah kalah. Kerajaan yang masih ada ketika itu ialah Kokand, Khiva dan Bukhara. Di bawah Romanovsky, pihak Rusia berjaya menutup “pintu masuk” menuju ke Fergana dengan menakluki Khujand bagi menghalang kemaraan Emirat Bukhara yang telah bergabung dengan pihak Kokand. Akhirnya pihak Bukhara menandatangani perjanjian dengan pihak Rusia dan Rusia menjadikan Tashkent sebagai ibu kota (masih kekal sebagai ibu kota Uzbekistan kini). Keseluruhannya, pada abad ke-20 keseluruhan Asia Tengah berjaya diduduki oleh Rusia dan mereka mengamalkan dasar Tsarisme. Pendudukan ini memberi kesan asimilasi bangsa Rusia dengan orang Turki sehinggalah revolusi tercetus. Susulan kejatuhan Emirat Bukhara, maka berakhir sistem Monarki dan Islam di Asia tengah dan terbentuk Kesatuan Soviet awal yang enam oleh Rusia. Kemudian wilayah-wilayah ini bahagikan kepada lima buah Republik iaitu Kazakhstan, Kyrgystan, Tajikistan, Turkmenistan dan Uzbekistan.

Keadaan Islam semakin lemah dan mengharungi ‘zaman gelap’ walaupun ketika itu bagi Soviet adalah merupakan era kegemilangan mereka. Walau bagaimanapun, di era Vladimir Lenin dia menjamin kebebasan beragama dan berjanji Islam tidak akan dicabuli. Namun, ketika pemerintahan bertukar tangan kepada Joseph Stalin, nasib orang Islam menjadi malang kerana polisi baru yang dikeluarkannya menyebabkan era sekularism bermula. Kesan sekularism ini menular dan bertapak kuat di kesemua wilayah-wilayah Islam tersebut sehingga ke hari ini. Orang Islam sendiri terpengaruh dengan komunisme, sosialisme, sekularisme, dan atheisme yang di bawa oleh pihak Soviet dan identiti Islam semakin larut dan hilang. Perkara ini juga disebabkan oleh pihak Soviet telah menghalang kegiatan keagamaan dan azan juga jarang kedengaran. Meminum arak, berpakaian tidak menutup aurat dan amalan gaya hidup bebas serta tidak solat menjadi kebiasaan ditambah pula sistem autotarian yang diamalkan oleh pemimpin lebih menyukarkan lagi kebangkitan semula Islam di Asia Tengah ini. Tidak cukup dengan itu, di era pemerintahan Joseph Stalin, turut berlaku pembersihan etnik yang kebanyakannya beragama Islam terutamanya etnik Turki.

Bab keenam atau bab terakhir pula penulis menerangkan situasi Asia Tengah ketika pasca-Soviet dan kebangkitan Nasionalisme. Pada zaman pentadbiran terakhir Soviet iaitu Mikhail Gorbachev, bibit-bibit gerakan Nasionalisme mula kelihatan dalam majoriti masyarakat asli yang menduduki semua wilayah republik jajahannya menjelang penghujung tahun 1991. Berikutan rusuhan yang kerap kali timbul kerana tidak puas hati penduduk tempatan ke atas kerajaan Soviet ini menyebabkan ia menjadi salah satu faktor kejatuhan kerajaan Soviet berakhir, iaitu pada 25 Disember 1991. Ada

pendapat pengkaji sejarah menyebut bahawa, faktor lain yang membantu kejatuhan ini adalah kerana campur tangan pihak Kapitalisme barat iaitu, Amerika Syarikat yang merupakan seteru utama pihak Soviet. Kerajaan Soviet ini akhirnya terbahagi kepada 15 buah negara republik iaitu Rusia, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Turkmenistan, Uzbekistan, Armenia, Azerbaijan, Georgia, Ukraine, Belarus, Moldova, Lithuania, Latvia dan Estonia. Pasca-Soviet berlakunya perubahan iklim geopolitik di wilayah Eurasia, ada yang ambil sikap berkecuali dan tak kurang juga yang mengambil jalan mudah dengan menyertai blok barat. Negara-negara Merdeka Komanwel (CIS) ditubuhkan bagi membentuk sebuah persatuan yang menggantikan Soviet yang telah tiada. Pusat CIS adalah di Minsk (Belarus) dan Moscow (Rusia).

Demikianlah rentetan sejarah yang berlaku di Asia Tengah yang ditulis dalam buku ini, yang akhirnya membawa kerugian kepada Islam dan penganutnya. Kini, masyarakat dunia seakan tidak mengenali wilayah yang pernah unggul dan hebat ini. Dunia sudah tidak mempedulikan lagi keadaan negara-negara ini selepas kejatuhan Soviet pada tahun 1991. Pengaruh-pengaruh media juga telah mengaburi fakta dan keistimewaan Asia Tengah ini dengan melabelkan wilayah ini mundur dan berbahaya sedangkan di sana penuh khazanah sejarah dan pemandangan alam bergunung ganang dan bukit-bukau yang bakal memukau hati sesiapa sahaja yang memandangnya. Oleh yang demikian, fakta-fakta sejarah yang benar dan membawa kepada terbuka wilayah ini di mata dunia perlu dipergiat di masa akan datang. Dengan bermulanya penulisan ini diharapkan lebih ramai sejarawan yang tampil untuk mengkaji dan menata setiap garis masa untuk manfaat umat sejagat.